

11 APR 2000

Mahathir-Globalisasi

MAHATHIR HURAI SYARAT BAGI ASEAN TERIMA GLOBALISASI

KUALA LUMPUR, 11 April (Bernama) -- Asean boleh menerima globalisasi hanya jika ia memberi faedah, peluang membuat pilihan sendiri dan tanggungjawab korporat, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beliau berkata globalisasi boleh menjadi sesuatu yang baik bagi Asean jika kumpulan serantau itu mempunyai suara dalam membuat interpretasi mengenainya dan boleh mengawal pergerakan kewangan dan bentuk modal lain merentasi semua sempadan.

"Ia memberi kita banyak peluang. Kita bukanlah mementingkan diri sangat. Kita sedia terima jika pihak-pihak lain juga mendapat peluang itu tetapi kita mesti memastikan bahawa peluang dan faedah yang kita perolehi adalah sama besarnya dengan yang diperolehi pihak lain," katanya dalam ucapan pada Sidang Kemuncak Perniagaan Asean 2000, di sini hari ini.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Dr Mahathir berkata memang diakui bahawa negara anggota Asean melihat sesuatu perkara dengan tanggapan yang berbeza-beza, dan jika jurang perbezaan itu terlalu besar, perpecahan akan wujud dalam pendekatannya terhadap globalisasi.

"Oleh itu izinkan saya menyeru kita semua supaya menyatakan hal ini mengenai globalisasi sebelum kita mengatakan `ya' kepadanya. Kita seharusnya mengatakan tiada globalisation tanpa faedah, tiada globalisasi tanpa peluang membuat pilihan sendiri dan tiada globalisasi tanpa tanggungjawab korporat," kata Dr Mahathir.

Dr Mahathir berkata persoalannya sekarang ialah sama ada Asean boleh mendapat kebaikan yang dibawa oleh globalisasi sambil menolak apa-apa unsur kerosakan yang mungkin didatangkan terhadap negara-negara berkenaan.

Beliau berkata banyak kalangan yang menolak ramalan yang menggerunkan bahawa penjajahan akan berlaku semula, kerana mempercayai bahawa sebagai negara merdeka mereka akan terus merdeka.

"Tetapi jika kita terpaksa tunduk kepada kehendak pihak lain, yang bukan sahaja menghina tetapi juga boleh menghancurkan kepentingan kita, maka bolehkah hakikat bahawa kita mempunyai kerajaan sendiri menjadi bukti yang mencukupi untuk menunjukkan yang kita tidak dijajah," kata Perdana Menteri.

Beliau juga berkata tidak ada orang yang boleh menerima fahaman bahawa kalangan perniagaan boleh melakukan apa sahaja yang mereka sukai manakala pihak kerajaan pula hendaklah membiarkan ia berlaku.

"Dan jika ada pihak yang menjadi mangsanya, itu tidak mengapa. Malang baginya. Itu sudah kehendak pasaran... yang tidak mungkin melakukan kesilatan, yang boleh diharapkan untuk memperbaiki prestasinya dan melahirkan hasil yang lebih baik daripada apa sahaja yang dapat dilakukan oleh orang perseorangan dalam perniagaan atau dalam kehidupan awam," kata Dr Mahathir.

Sejak menjadi perdana menteri, beliau berkata Malaysia mengalami pertumbuhan kadar pasaran ekonominya yang terpantas dalam sejarahnya, dan negara berbuat demikian bukan kerana komitmennya kepada sesuatu ideologi atau kerana kepercayaan teologinya tetapi kerana ia membuahkan hasil.

Dr Mahathir berkata beliau dan kerajaan Malaysian akan terus komited kepada kebebasan pasaran yang lebih luas, dan ini mestilah selaras dengan keperluan rasional, kebebasan dan kemerdekaan, serta etika, moral dan tanggungjawab.

Bagaimanapun, katanya, Malaysia tidak boleh dengan tergesa-gesa terjun ke pasaran bebas nasional, sehingga melupai akan perlunya memastikan adanya rangka kerja peraturan dan ketelusan, serta isu ketertiban dan kesediaan.

Beliau percaya bahawa di Malaysia, sebagaimana juga di semua negara, isu persamaan dan penganggihan serta keseimbangan dan keadilan perlu diambil kira.

"Kita tidak boleh tergesa-gesa menyertainya semata-mata kerana mereka yang dianggap pakar dunia dari Washington memberitahu kita bahawa ia baik untuk kita.." katanya.

Beliau berkata beliau mempunyai kesangsian yang jauh lebih sedikit terhadap pasaran bebas nasional daripada kesangsiannya terhadap kebebasan perdagangan dan kewangan antarabangsa.

Dr Mahathir berkata adalah amat jelas bahawa bagi kebanyakan negara di dunia, manfaat daripada kebebasan antarabangsa adalah tidak kelihatan manakala kos bagi kebebasan itu nyata mengatasi faedahnya.

Beliau berkata masanya mungkin terlalu awal kini untuk mengira tentang kos dan manfaatnya kepada negara membangun untuk dilihat dengan jelas.

"Jika ia terlalu awal, mengapa perlu disegerakan semua siri rundingan bagi perdagangan bebas antarabangsa yang baru? Adakah kerana kurangnya pertimbangan atau kerana sesuatu yang lebih buruk?" katanya.

Beliau juga bertanya sama ada negara-negara harus menerima sebuah dunia yang peraturan mengenai soal bagaimana mereka mesti hidup atau mati, diputuskan oleh suatu pihak sahaja.

Mengenai penggabungan mega yang berlaku di seluruh dunia, beliau berkata walaupun perkara itu mungkin baik bagi sesetengah negara lain, Asean perlu bertanya kepada dirinya sama ada ia baik bagi kumpulan itu.

Dr Mahathir berkata adalah perlu bagi Asean untuk berfikir secara bebas dan bertindak berasaskan kepada, antara lain, kewajaran dan tanggungjawab, serta keperluan bagi kebebasan dan kemerdekaan,

-- BERNAMA

MAM AD RYN NMO